

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

# PUSPANITA

## BULETIN

# Puspanita

cawangan UTeM



JILID 1 | KELUARAN 1

FEBRUARI 2011


### Antara yang MENARIK DI DALAM:

MESYUARAT AGONG PUSPANITA  
CAWANGAN NEGERI MELAKA KALI KE 28

JAMUAN AIDILFITRI 1341H PUSPANITA UTEM

LAWATAN KE PENJARA WANITA KAJANG

TERENGGANU WHERE CULTURE EMBRACES HERITAGE



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



HQ  
1871  
.B85  
2011  
a  
v1





# Prakata

## Pengerusi Puspanita Cawangan UTeM



Bismillahirrahman nirahim  
Assalamualaikum Wr. Brt.

Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjat setinggi-tinggi rasa kesyukuran kehadiran Allah S.W.T. yang telah mengizinkan Buletin Puspanita UTeM diterbitkan. Saya mengucapkan syabas kepada ahli-ahli sidang Redaksi yang telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan Buletin Puspanita UTeM yang sulung pada tahun 2010.


Adapun Buletin Puspanita UTeM bertujuan memberi maklumat tentang aktiviti Puspanita UTeM yang telah dijalankan bersama dengan rakaman gambar sebagai kenangan manis, memberi sisipan laluan yang bermanfaat dan menjadi bahan penyataan yang dapat menjalinkan hubungan dengan AJK dan Ahli-ahli Puspanita UTeM.

Saya mendoakan agar Buletin Puspanita UTeM dapat diteruskan edisinya dengan lebih mantap dan bermanfaat buat tatapan khasnya untuk ahli-ahli Puspanita UTeM yang dikasihi.

Akhir kata saya sudah dengan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli-ahli sidang redaksi yang benar-benar berdedikasi dan beramanah dalam menjalankan tugas.

Tahniah! Di atas julung kali diterbitkan dan selamat maju jaya pada keluaran yang akan mendatang.  
Sekian terima kasih

Wabillahaufik walhidayah Wasalamualaikum Wrb. Brt.



**“Wanita Sepakat Negara Meningkatkan”.**

### LATARBELAKANG

Latarbelakang Penubuhan	1
Prakata Pengerusi Puspanita Cawangan	1
Senarai Ahli Jawatankuasa	2
Aktiviti Biro-biro Persatuan	2-3
Sumbangan Atikel	3
Senarai Keahlian	4
Objektif Persatuan	4

PUSPANITA Kebangsaan telah ditubuhkan hasil dari cetusan idea Y.A.B. Tun Dr. Siti Hasmah binti Hj. Mohd Ali, isteri bekas Perdana Menteri Malaysia ke-4 Y.A.B Tun Dr. Mahathir Mohammed, pada tahun 1982. Pada 1 Mac 1983 PUSPANITA telah dilancar dengan rasminya oleh Berbahagia Pn. Seri Zawiah binti Hj. Yaakob, isteri bekas Ketua Setiausaha Negara. PUSPANITA merupakan singkatan kepada ‘Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia.’

## MARTABAT AKAL

**Sabda Rasulullah SAW maksudnya:**  
**“Orang yang paling sempurna akalnya antara kamu ialah orang yang paling takut kepada ALLAH dan amat mengambil berat tentang perintah dan larangan-Nya, walaupun (pada zahir dan pada pandangan kamu) dia sedikit melakukan amalan sunat.”**  
 (Riwayat Ibn Mahbar daripada Abi Qatadah)



## PENASIHAT

Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad  
Yusoff bin Hassan



## AHLI JAWATANKUASA PUSPANITA UTeM

Pengerusi:

Y.Bhg. Datin Sarah binti Ayub



Timbalan Pengerusi I:

Datin Khatijah binti Ayub



Timbalan Pengerusi II:

Datin Kartini binti Ahmad



Setiausaha:

Puan Hj. Faridah binti Mohd  
Amin



Bendahari:

Puan Nor-Aliza binti Ibrahim



## AHLI JAWATANKUASA INDUK 2

Ketua Biro Keagamaan &  
Sahsiah.

Puan Jamilah binti Saibot



Ketua Biro Tugas Khas.

Puan Hj. Noraida binti Attan



Ketua Biro Sosial & Kebajikan

Puan Norlidah binti Ahmad



Ketua Biro Ekonomi &  
Keusahawanan.

Puan Sarimah binti Zakaria



Ketua Biro Promosi & Seranta

Puan Lily Multatulianan



Ketua Biro Pendidikan &  
Penyelidikan.

Dr. Mariana binti Yusof



Ketua Biro Sukan, Rekreasi &  
Kebudayaan

Dr. Asiah binti Pilus



## Ahli Jawatan Kuasa Induk PUSPANITA Cawangan UTeM.

### Biro Promosi & Seranta

- Mengumpul data (bergambar) dan aktiviti PUSPANITA UTeM
- Penulis Facebook dan Blog PUSPANITA UTeM
- Mengarang dan mencari artikel Buletin PUSPANITA

### Biro Ekonomi & Keusahawanan

- Aktiviti jualan Sempena Pesta Konvokesyen 2010
- Jualan kuih raya, kerepek, tudung dan buah kurma kepada warga Universiti
- Mengadakan aktiviti jualan sempena MHS
- Penjualan roti dan kerepek di Jabatan

### Biro Sosial & Kebajikan

- Program Tahunan
- Lawatan & Membantu Rakyat Miskin Sekitar Melaka sempena bulan Ramadhan Al Mubarak.
- Memberi sumbangan kepada Ahli Pusanita UTeM sempena Hari Raya

### Biro Agama & Sahsiah

- Aktiviti Tazkirah Hari Jumaat setiap 2 minggu.
- Tadarus Al Quran pada bulan Ramadhan.

### Biro Pendidikan

- Program Motivasi UPSR Solat Hajat

### Biro Tugas-tugas Khas

- Menyimpan data keahlian PUSPANITACawangan UTeM
- Membantu Biro-biro untuk Teknikal & Logistik
- Membantu Biro-biro dalam aktiviti dari semasa ke semasa.
- AJK Persembahan dalam Majlis Wanita UTeM
- Buletin PUSPANITA

### Biro Sukan, Rekreasi & Kebudayaan

- Aktiviti Senamrobik di Kompleks Sukan Universiti Teknikal Malaysia Melaka
- Aktiviti riadah staf UTeM

PERPUSTAKAAN  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka


No. Aksesan	No. Panggilan
875 16 100	HQ 1871 1385 2011 9 v1
Tarikh	
08 SEP 2023	





# Aktiviti:

Satu Bengkel Menanam Pokok secara Hydroponic telah dijalankan pada pertengahan tahun 2010.



# UTeM

## JAMUAN HARI RAYA 2009

Jamuan Hari Raya telah diadakan untuk meraikan ahli Pusanita di perkarangan bangunan Pepustakaan.

SITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## INGAT!

Jangan mengisi peti sejuk padat dengan makanan ringan (snaks), kek, coklat, air bergas dan seumpamanya. Anak anda akan menjadi 'hantu peti sejuk' dan akan mengalami obesity. Kalau tidak pun anda sendiri akan jadi 'hantu peti sejuk'!





ETIN PUSPANITA





## MESYUARAT AGUNG PUSPANITA CAWANGAN NEGERI MELAKA KALI KE 28

Y.Bhg. Datin Khadijah bt. Ayub, Timbalan Pengerusi PUSPANITA UTeM beserta Ahli Jawatan Kuasa PUSPANITA UTeM Pn Hj. Faridah bt Md. Amin, Pn Jamaliah bt. Hj Saibot, Pn Sarimah bt Zakaria, Pn Hj Lily Siti Multatuliana bt. Sutan Iskandar menghadiri Mesyuarat Agung Puspanita Cawangan Negeri Melaka Kali ke 28 bertempat di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka pada 12 Mac 2010 (Jumaat) dengan tetamu terhormat Y.A.Bhg. Datin Seri Datuk Wira Hj. Asmah Hj. Abdul Rahman Isteri YAB. Ketua Menteri Melaka Merangkap Penaung PUSPANITA Cawangan Negeri Melaka.



## Seminar menjawab soalan peperiksaan UPSR,PMR dan SPM



Seminar menjawab soalan peperiksaan UPSR,PMR dan SPM telah di adakan di dewan Konvesyen kampus Bandar pada 15 Mei 2010.





Pada 4 Julai 2010 Biro Ekonomi & Keusahawanan melaksanakan aktiviti penjualan di khemah pada Majlis Pendaftaran Pelajar baru. Penjualan Produk Satu Kampung satu Industri, contoh : cordial minuman, berbagai jenis kerepek, air jambu, kek kukus, muffin. Semasa Pesta Konvokeysen ke-6 UTeM



Melaksanakan aktifiti penjualan bunga-bunga dan cenderamata. Dan sebelum hari raya melaksanakan penjualan kuih raya dan kek atas nama PUPANITA UTeM.



Pada 12 Julai 2010 satu Jamuan makan malam amal telah diadakan di Dewan Seri Negeri, Pejabat Kerajaan Negeri Melaka. Majlis ini telah dianjurkan oleh Puspanita Negeri Melaka dengan tetamu kehormat Toh Puan Zurina Kassim. UTeM telah diwakili oleh Jawatankuasa Induk Puspanita cawangan UTeM dengan di ketuai sendiri oleh Pengerusinya, Datin Sara Ayub.



Imam Syafie pernah mengadu kepada gurunya Syeikh Waqi' tentang kesusuhan untuk menghafal pelajaran. Gurunya lantas menyuruhnya meninggalkan segala dosa (besar dan kecil). Kata gurunya:

“SESUNGGUHNYA ILMU ITU CAHAYA, SEDANG CAHAYA ALLAH ITU TIDAK DIKURNIAKAN KEPADA ORANG YANG MELAKUKAN DOSA ATAU MAKSIAH.”



Solat Hajat telah diadakan bagi anak2 ahli PUSPANITA di Masjid UTeM pada 25 Jun 2010.



# LAWATAN KE RUMAH STAF, KELUARGA OKU



BENGKEL PENGHAYATAN  
SOLAT SEMPURNA ANJURAN  
BIRO KEAGAMAAN DAN  
SAHSIAH, PUSPANITA UTeM  
pada 23 April 2010 di Masjid  
Besar UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
مليسيا ملاك







## TAJAJAN IBU TUNGGAL OLEH PUSPANITA UTeM SEMPENA MAJLIS BERBUKA PUASA (IFTAR) BERSAMA TUN CANSELOR UTeM

Pn Azlina bt. Amzah



Program Majlis Berbuka Puasa (IFTAR) Bersama Tun Canselor UTeM yang telah dianjurkan oleh Pusat Islam, UTeM telahpun dilaksanakan pada 25 Ogos 2010 yang lalu.

Untuk ibu-ibu tunggal seramai 20 orang yang ditaja oleh PUSPANITA UTeM, mereka menerima sumbangan wang tunai sebanyak RM150.00 setiap seorang. Sumbangan lain berupa beg berisi beberapa jenis kuih raya yang disumbangkan dengan menggunakan hasil kutipan sumbangan staf, beras sebanyak 5kg setiap seorang disumbangkan bersama oleh Sri Kesidang dan sedikit cenderahati dalam beg kertas disediakan oleh Pusat Islam sendiri.

Penerima sumbangan pada hari tersebut adalah terdiri daripada pelajar-pelajar UTeM yang kurang kemampuan, ibu tunggal dan anak-anak yatim daripada Rumah Anak Yatim Jasin, Melaka

Sumbangan tersebut telah diserahkan oleh Y.Bhg. Toh Puan Zurina, isteri TYT Yang Dipertua Negeri Melaka. Selepas menerima sumbangan, para ibu tunggal dijemput untuk berbuka puasa di tempat khas yang disediakan dan seterusnya menunaikan solat Maghrib berjamaah. Majlis selesai dengan Solat Tarawih dan Jamuan Moreh untuk semua hadirin.

Termasuklah penerima-penerima sumbangan iaitu anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal dan pelajar-pelajar UTeM yang telah terpilih untuk menerima sumbangan untuk tahun 2010 ini.

Puspanita UTeM telah mengambil bahagian di dalam majlis tersebut selaku penaja kepada seramai dua puluh orang ibu tunggal yang dipilih dan dicalonkan oleh staf UTeM.

Majlis bermula daripada jam 5.30 dengan kedatangan semua para jemputan majlis. Para jemputan terdiri daripada pihak Pengurusan Universiti, staf Universiti dan juga jemputan khas agensi luar.







# JAMUAN EIDUL FITRI 1431H PUSPANITA UTeM

Pn Azlina bt. Amzah

Program Majlis jamuan Eidul Fitri 1431H PUSPANITA UTeM telah berjaya dilaksanakan pada 5 Oktober 2010 jam 12.00 tengahari di Kafeteria Staf, UTeM. Majlis ini telah dihadiri oleh semua jemputan ahli PUSPANITA UTeM, jemputan khas PUSPANITA Negeri Melaka yang diketuai oleh Y.Bhg. Datin Wira Hj. Faridah bt. Jaafar, Pengerusi Puspanita Negeri Melaka bersama beberapa orang AJK PUSPANITA Negeri Melaka dan juga Datin Wan Faridah bt. Wan Yaacob, isteri bekas Timbalan Naib Conselor (P&I) UTeM. Kehadiran keseluruhannya adalah seramai lebih kurang 95 orang.

Majlis ini diadakan dengan begitu ringkas dimana majlis dimulakan dengan bacaan doa, ucapan daripada Y.Bhg. Datin Sara Binti Ayub, Pengerusi Puspanita UTeM dan seterusnya diikuti dengan jamuan Eidul Fitri.

Pelbagai Juadah berupa makanan khas Hari Raya disediakan untuk santapan semua tetamu jemputan. Sambil menikmati juadah jamuan ahli-ahli dapat berkenalan di antara satu sama lain. Mana-mana staf yang datang yang belum menjadi ahli boleh mengisi borang yang disediakan untuk menjadi ahli.

Majlis ini telahpun mencapai objektifnya iaitu untuk memupuk semangat kekeluargaan di kalangan ahli Puspanita UTeM dan juga Puspanita Negeri Melaka.



Majlis berakhir pada jam 1.30 petang dan satu sesi fotografi diadakan di luar Kafeteria staf untuk semua AJK Puspanita yang telah menjayakan majlis tersebut.

Kami, Biro Sosial dan Kebajikan, selaku Jawatankuasa Penganjur majlis ini mengucapkan terima kasih kepada Datin

Sara Bt. Ayub, pengerusi Puspanita UTeM dan seluruh ahli Puspanita UTeM serta Puspanita Negeri Melaka dan pihak Pengurusan Universiti yang telah memberikan kerjasama di sepanjang program ini berlangsung.





# Lawatan ke Penjara Wanita Kajang

Lily Siti Multatuliana

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



AJK dan ahli PUSPANITA UTeM bersama dengan Y.Bhg. Datin Sara bt. Ayub, Pengerusi PUSPANITA UTeM dan Y.Bhg. Datin Khadijah bt. Ayub, Timbalan Pengerusi I PUSPANITA UTeM melawat ke penjara Kajang pada 10 Julai 2010. Program ini dilaksanakan oleh Biro Sosial dan Kebajikan diketuai oleh Pn Norlida dan Setia usaha Pn Azlina yang menjayakan lawatan ini dengan jayanya.

Awal pagi lagi kami berkumpul, sebelum bergerak Datin Sara menyampaikan ucapan alu-aluan dilanjutkan dengan doa untuk keselamatan. Kami berangkat menaiki bas eksekutif UTeM.

Sampai ke Penjara Wanita Kajang Datin Sara menyerahkan cenderahati kepada pihak Penjara, disampaikan kepada Pengarah Penjara Wanita.

Selepas itu kami melawat berbagai bengkel kemahiran untuk penghuni di sana seperti spa dan salun kecantikan, mengurut, masakan, jahitan memotong baju, menjahit manic, kraftangan, membuat batik dan melawat surau yang mengadakan kelas agama.

Selepas itu kami dijamu dengan hidangan makan tengah hari yang enak sekali yang dimasak oleh penghun-penghuni di situ.

Setelah membeli kraf tangan dan makanan hasil kerja penghuni dari bengkel kemahiran kami beredar ke Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Putrajaya. Masjid yang indah, berkubah besi keluli yang baru di rasmikan pembukaannya pada tahun 2009.

Kami melaksanakan sembahyang jamak qasar zohor dan asar di masjid yang mempunyai keistimewaan tersendiri antaranya tiada pemasangan kipas ataupun alat penyaman udara didalamnya sebaliknya menggunakan gas penyejuk (Gas disctrick cooling)

Syukur, Alahamdulillah lawatan ini telah mencapai tujuannya dan berhasil dengan izin Allah SWT.



# Terengganu Where Culture Embraces Heritage

By : S. Indra Devi

It was a little past six on 26 November 2010, a Friday evening, when the bus, swelled with passengers comprising Puspanita members of UTeM and children as well as friends headed by Y. Bhg. Datin Sara Ayub left the premises of UTeM heading towards Terengganu. Our hearts were filled with happiness and pride thinking of the exciting getaway to Kuala Terengganu, the Sea Turtle state, which is known by its Arabic honorific, Darul Iman meaning 'Abode of Faith'.

The bustling sound of vehicles on the road was overridden by squeals and peals of laughter and songs amidst the din of conversation by the young and the old. The journey dragged on and the bus weaved its way side by side with other vehicles. There was a sudden silence after midnight as everyone was in a deep slumber except for the driver who was serious with his mission.

Suddenly, the shrill of voices pierced the air bringing to an end the silence that had reigned the bus. It was the wee hours of Saturday morning, 27 November 2010 and we found ourselves facing Shahwaney Homestay, our dwelling for the next two days.

The serene location is tucked conveniently within a landscaped garden hundred meters from the vicinity of the Sultan Mahmud Airport and is fifteen kilometers from the Kuala Terengganu city centre.

The tantalizing aroma of nasi lemak with hot, spicy anchovies sambal wafted through the air and that was our breakfast which we ate together seated on mats. Memories of such will always be treasured as we felt being close-knit as a family. The day was full of activities.

Firstly, we visited the Noor Arfa Craft Complex at Chendering Industrial area in Kuala Terengganu. The large Batik showroom was flocked by loads of tourists like us, eager to see and to try the best Batik, the idyllic state of Kuala Terengganu has to offer. Here, we also witnessed the skills of local artisans in Batik paintings. We bought many kinds of items like Batik sarungs, hats, bags made from pandanus leaves etc.

Then we visited the 'Keropok Lekor' Industrial sites. On entering the sites, we were assailed by the pungent smell of fish and we had the opportunity to observe how the fish wafer is being processed. We couldn't resist eating the hot fried 'keropok lekor' with the local chili sauce.

This was followed by a visit to the Islamic Civilization Park (Taman Tamaddun Islam) located at Wan Man Island. This park depicts the glorious Islamic civilization. We got to know that it is the first Islamic edutainment theme park in the world, with its 21 replicas of famous mosques and Islamic monuments that replicate the grandeur of Islamic arts and architecture. We also got to see the Crystal Mosque of Terengganu which is the icon of the Islamic Civilization Park and the Kuala Terengganu city.

This mosque looks unique and it is said to be the first and only mosque built from steel and glass and portrays a crystal-like image.

We felt the buzz of excitement as we snapped up various items for sale at the Central Market which is locally known as 'Pasar Payang'. This market, a shopaholic's paradise is located by the Terengganu River and is housed in a modern building. Grocery items such as fresh fruits, vegetables to traditional products and souvenirs like Batik, brassware, brocade, songket, silk garments, kaftans to name a few attracted us. It was a delightful experience to shop at reasonable prices.

The cuisine of Terengganu is indeed memorable for its fresh fiery ingredients and local flavors. We did not miss 'Nasi Dagang' which we had for our breakfast the next day.

We also had the opportunity to try other cuisines of Terengganu like the 'otak-otak', 'ayam percik', 'laksa Terengganu' and 'kuih akok'. Some of us tried the sea turtle eggs which are of the size of a ping-pong ball.

We capped our Terengganu tour with a visit to Universiti Malaysia Terengganu and Universiti Sultan Zainal Abidin Terengganu. We were greeted with cheerful pleasantries the moment we strolled into the university compounds. We were indeed enthralled by the warm hospitality of our counterparts in these universities. We were taken for site visits at the universities.

We were specially attracted to the ambience of the Post-Graduate Lounge at the library of UMT which is beautifully furnished with a sea-view. This lounge is basically meant for post-graduate students and academic staff to enjoy reading and for having discussions.

We participated in round table discussions with the committee of the Persatuan Mutiara UMT and Kelab Wanita UNIZA. All these activities indeed expanded our horizons and has helped to establish a close rapport with these sister universities. We also couldn't resist the temptations of whetting our appetites with the delicious lunch provided by both these universities. The numerous souvenirs given to each of us are a testimony of our close bondage.

On the 28 November 2010, we bade farewell to Terengganu and headed back home. The trip had been really arduous and appealing. It has inspired our minds and excited our senses. It is indeed a trip to be remembered as it has brought us, the members of Puspanita UTeM, together in our pursuit towards propagating and inculcating the value of a caring and loving society.





## Mencerdaskan akal dengan amalan pemakanan.

Pemakanan yang berzat menyediakan wadah yang selesa bagi akal.

Para ahli perubatan islam khususnya kalangan pengamal system perubatan Yunani telah mengesyorkan kaedah-kaedah tertentu dari aspek pemakanan untuk mengutamakan daya ingatan

Beberapa penemuan telah di buat dalam abad ke 20 berhubung dengan kesan-kesan pemakanan daya ingatan.

## SLASH CANCER RISK

TAKE vitamin D and calcium daily to cut my overall chances by 60%.  
EAT beta-carotene-packed foods such as sweet potatoes and carrots.  
DRINK green tea to prevent sun-related skin damages.

## Resipi

### ZAT PEMAKANAN BERKAITAN DAYA INGATAN

BIL	ZAT	SUMBER
1	Lesitin (satu komponen otak yang penting)	Didapati dalam organ otak, telur merah, kacang soya dan lain-lain
2	Vitamin E	Banyak terdapat dalam minyak tuhan biji gandum (wheat germ oil), tepung gandum whole meal, sayur-taugeh, sayuran hijau, minyak kelapa sawit dan lain-lain
3	Kalsium Fosfat	Digunakan dalam system bio kimia (12 garam tisu) pada potensi tinggi (30x makan atau 200 x) bagi menghasilkan kekuatan ingatan konsentrasi
4	Kalium Fosfat (didapati dalam 'grey matter' otak)	
5	Magnesium Fosfat	
6	Silika	
7	Asid Glutamik	
8	Choline	Daging ikan & telur

Bahan-bahan:

- 1 kg Ikan tengiri (siap dipotong)
- 50 gm kacang bendi
- 1 biji terung bulat
- 200 gm santan segar
- 5 gm kayu manis
- 2 gm buah pelaga
- 2 gm bunga cengkih
- Garam dan gula secukup rasa
- Minyak secukupnya

Bahan kisar:

- 50 gm cili kering
- 50 gm bawang merah
- 20 gm bawang putih
- 20 gm halia
- 50 gm lengkuas
- 50 gm udang kering
- 2 batang serai

Cara membuat:

1. Tumis bahan-bahan kisar hingga garing. Masukkan kulit kayu manis, cengkih dan bunga lawang dan biarkan sekejap.
2. Kemudian masukkan santan, terung dan bendi.
3. Apabila mendidih, masukkan ikan dan masak lagi hingga pekat dan mendidih.

“Selamat Mencuba”

### Tiga Punca Utama Kematian tahun 2004

No	Punca Kematian	Jumlah	%
1	Penyakit kardiovaskular spt serangan jantung, strok, darah tinggi.	16,733,000	29
2	Penyakit berjangkit spt HINI, SARS, selsema burung, bawaan melalui makanan, malaria,	14,867,000	26
3	Neoplasma Malisan spt	7,121,000	12

## SIDANG REDAKSI



Ketua Pengarang  
Pn. Hjh Noraida Attan



Pengarang  
Dr. Hazmillah



Pengarang  
Pn. Lily Multatulianan



Penyunting  
Pn. Siti Mashani



Sirkulasi & Edaran  
Pn. Hanita